# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 41 | RABU 14HB OKTOBER, 1981. | رابو 15 ذوالحجة 1401 | PERCHUMA


## BAGINDA SULTAN SEMBAHYANG HARI RAYA HAJI BERSAMA-SAMA RAAYAT BAGINDA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berangkat menunaikan sembahyang Hari Raya Haji bersama2 dengan beribu-ribu raayat Baginda di-Masjid Omar Ali Saifuddin di-ibu negeri di-sini pada hari Jumaat lepas.

Turut berangkat bersembahyang Hari Raya Haji di-masjid itu termasok-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah serta lain2 Kerabat Diraja.

Sa-lepas menunaikan sembahyang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian-nya telah di-junjong ziarah oleh raayat dan pendudok2 yang bersembahyang pada hari itu.

Sembahyang Hari Raya Haji telah di-adakan di-semua masjid2 dan surau di-seluroh negeri.

Sementara itu beberapa upachara penyembelehan korban telah di-adakan di-berapa buah kampong dan surau2 bersempena Hari Raya Haji pada tahun ini.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kelihatan sedang di-ziarahi oleh umat Islam sa-lepas upachara sembahyang Hari Raya Haji.**

### Manis-nya Iman

**"KETAWA tanpa suatu yang patut menggelikan hati ada-lah menghilangkan maruah dan menghapuskan berkat."—HADITH Nabi riwayat Ad-Dilmi dari Anas (Kashful Khafa').**

## Pengarah DBP yang baru

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berkenan menetapkan Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani sa-bagai Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka mulai 19hb September, 1981.

Pengiran Badaruddin memangku jawatan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka sejak bulan September tahun lalu. Sabelum itu beliau memegang jawatan Ketua Ranchangan2 Talivishen, di-Jabatan Radio Talivishen Brunei.

## Kakitangan Kerajaan tertaklok kapada peratoran am dan undang2 negara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Mulia Peguam Negara, Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas mengingatkan bahawa kakitangan kerajaan ada-lah tertaklok bukan sahaja pada peratoran2 am malah juga undang2 negara yang berjalan kuatkuasa terutama dalam menyimpan perkara2 yang di-sifatkan sulit dan rahsia.

Kapada mereka yang melanggar peratoran am kerajaan, jelas Yang Amat Mulia itu, bukan sahaja tindakan tata-tertib akan di-ambil tetapi juga pendakwaan jenayah juga akan di-kenakan dalam keadaan2 tertentu.

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin mengingatkan demikian ketika bersabda sa-jurus sabelum menyampaikan sijil-sijil penghargaan bagi penyelia2 Banchi Pendudok dan Perumahan Brunei yang telah di-langsongkan di-Bilek Bachaan, Pusat Belia di-sini pada hari Rabu lepas.

Menurut Yang Amat Mulia itu lagi, pada amnya sifat menyimpan sasuatu perkara sulit tidak sa-harus-nya terbatas pada kerja2 yang berkaitan dengan banchi sahaja tetapi ada-lah perlu dan penting semua kerja2, keputusan2 dan rahsia2 kerajaan yang di-kendalikan sa-tiap hari tidak akan di-maklomkan kapada lain pehak yang tidak berkenaan sa-chara rasmi.

### KURANG AMANAH

"Dan bisekan2 dengan sanak saudara dan kawan2 menchakapkan perkara2 negara di-kedai2 kopi boleh merosakkan nama baik sa-seorang pegawai dan nama baik kerajaan," sabda-nya.

Kerajaan yang efektif dan efishen, jelas Yang Amat Mulia, ia-lah kerajaan yang mempunyai pentadbiran yang boleh bergerak dengan chergas dan bebas kapada apa jua pengaroh yang mana matalamat itu tidak akan terchapai jika terdapat kebochoran rahsia dalam pentadbiran kerajaan yang berpuncha dari mereka yang kurang amanah.

"Oleh yang demikian peranan Awang2 sa-bagai penyimpan rahsia2 yang telah di-amanahkan itu ada-lah merupakan satu peranan yang penting dalam membentok pentadbiran yang chergas dan efektif," sabda Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja.

Maka untok itu juga, Yang Amat Mulia mengingatkan kapada penyelia2 banchi yang menerima sijil2 penghargaan pada hari itu supaya mereka akan menyimpan segala

Lihat muka 16



**YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin.**

## Menunaikan ibadat haji — menjadi tetamu Allah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pada 9hb. Zulhijjah umat Islam dari seluroh dunia berada di-Padang Arafah kerana menunaikan salah satu rukun ibadat fardhu Haji. Ketika mereka wukuf di-Padang Arafah itu sa-bahagian-nya merenong masa2 yang telah mereka lalui dengan perasaan kesal yang amat mendalam di-atas perbuatan2 yang mereka lakukan melanggar perentah Allah.

Lantas mereka bertaubat kapada Allah dan berjanji kapada diri mereka sendiri tidak mengulangi lagi perbuatan2 yang di-larang oleh Allah. Bahkan mereka berazam untok menjadi manusia baru dan menjadi sa-orang Islam yang benar2 bertakwa untok mendapat keredhaan Allah. Orang2 yang berada di-tanah suchi kerena menunaikan fardhu haji itu ada-lah tetamu yang di-hormati dan di-muliakan oleh Allah. Sa-olah2 tanah suchi Mekah dan Ka'abah menguchapkan selamat datang kapada tetamu2 dan pengunjong2 'Rumah Allah' itu.

Demikian antara lain dalam perutusan Hari Raya Haji oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna

Lihat muka 16

## Penyampaian hadiah Projek Sains

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis penyampaian hadiah bagi peraduan Projek Sains yang dianjorkan oleh Persatuan Pendidekan Sains Brunei (BASE) akan di-adakan pada hari Ahad 18hb. Oktober bertempat di-Dewan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri disini bermula jam 2.00 petang.

Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat akan menjadi tetamu kehormat di-majlis itu dan sa-terus-nya menyampaikan hadiah2 kapada pemenang peraduan.

Sa-orang juruchakap dari persatuan itu ketika dihubongi baru2 ini menjelaskan bahawa peraduan tersebut telah di-sertai oleh penuntut2 menengah atas dan bawah di-seluroh negeri dalam kedua2 aliran Inggeris dan Melayu.

Peraduan tahunan ini di-taja oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad. Dan ada-lah di-fahamkan bahawa projek2 yang terpileh akan di-pertunjokkan pada hari itu juga.

**Pelita Brunei**
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

14HB OKTOBER, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## "KORBAN" MENINGKATKAN KESEDARAN YANG ADA

SUASANA Hari Raya Haji atau Hari Raya Korban kini di-rasakan lagi kemurnian-nya dalam kehidupan masharakat Islam kita dalam mana kenyataan yang ujud yang di-kisahkan oleh hari raya itu terus di-amalkan dan di-kerjakan oleh raayat dan pendudok berugama Islam di-negeri ini dalam hakikat untok sentiasa menjamin kemurnian dan kesuchian ajaran2 Ugama Islam yang menjadi "taras" dan "pa-sak" keyakinan hidup kita sa-lama ini.

Sesunggoh-nya melakukan korban ka-atas binatang2 ternakan yang di-sunatkan dalam Hari Raya Haji itu tidak-lah asing bagi sa-bahagian umat Islam di-negeri ini sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kerana di-mana2, terutama berpusat di-masjid2 atau di-surau2, kerja2 menyembeleh binatang2 korban sering di-lakukan sa-baik2 sahaja umat Islam yang terlibat sempurna menunaikan ibadah sembahyang Hari Raya Haji. Tahun ini, golongan tentera juga tidak mengabaikan ibadah itu bilamana upachara korban di-adakan di-Angkatan Laut AMDB di-Muara.

Penyembelehan korban berkenaan bagi mereka yang terlibat pada asas dan kebiasaan-nya di-usahakan dan di-ranchangkan atas dasar kebijaksanaan bermuafakat serta saling berkerjasama di-kalangan mereka. Bijaksana dan kerjasama yang di-perlihatkan itu ada-lah merupakan sifat kita orang2 Brunei yang sering tidak dingin untok terus mengamalkan-nya walau di-mana2 dan dalam keadaan apa jua yang memerlukan-nya. Dari pendekatan yang menampakkan bibit berkebajikan itu, kita umat Islam tentu akan sentiasa menaroh keyakinan betapa melaksanakan korban2 yang di-sunatkan itu, ia-nya akan terus memberikan ganjaran baik yang tidak putus2 kapada kita di-samping menguatkan lagi hubongan sa-sama kita terutama mengukohkan keimanan kapada Allah s.w.t. dan ajaran2 yang di-redhai-Nya.

Daging2 korban yang di-bahagi-bahagikan kapada mereka yang berhak menerima-nya sudah tentu dapat menguatkan kepaduan dan silatur-rahim sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh ajaran Ugama Islam. Oleh itu, apa yang penting kapada kita untok terus merenong rahsia2 Hari Raya Haji itu ia-lah pengertian 'Korban' yang terdapat di-dalam-nya agar benar2 memberi makna dan lorong kapada kita untok berkorban bukan sahaja dalam bentok yang di-maksudkan, malah dalam apa jua segi yang di-kehendaki oleh ajaran2 Islam dalam bernegara dan bermasharakat. Semoga dari pengertian dan perlakuan yang tidak akan putus kita kerjakan itu ia-nya akan sentiasa memberi ganjaran dan kebaikan kapada kita semua dan akan terus meletakkan kesuchian Ugama Islam itu dari di-kabori oleh apa jua bentok penchemaran ugama yang tidak di-ingini.

# INGIN PANJANG UMOR DAN MURAH REZEKI:

# *BANYAKAN HUBONGAN SILATUR-RAHIM*

MARI-LAH kita sama2 meningkatkan takwa kita kapada Allah s.w.t. dengan sebenar2-nya supaya kita benar2 menjadi hamba Allah yang taat dan beroleh kebahagiaan di-dunia dan di-akhirat.

Kini tiba-lah lagi hari kebesaran dalam Islam ia-itu hari raya adha atau hari raya korban dan biasa juga kita sebut sa-bagai hari raya haji. Dari sejak suboh 9 haribulan Zul-Hijjah lagi kita di-sunatkan bertakbir, bertahlil dan bertahmit bagi memuji dan memuja akan kebesaran dan kemuliaan Allah s.w.t. serta menshukori segala nekmat-Nya. Laungan sa-demikian ini sunat kita teruskan sa-lepas tiap2 kita selesai menunaikan sembahyang fardhu hingga waktu Asar hari yang ketiga-belas bulan Zulhijjah ini.

### MENYEMBELEH KORBAN

Kemudian sa-lepas kita bersurai dari sembahyang dan dua khutbah hari raya ini sunat-lah bagi siapa2 yang ada kemampuan menyembeleh korban samada kerbau, lembu atau kambing. Surohan pertama ini sekali pun hukum-nya sunat tetapi ia-nya ada-lah sunat 'Mu'akadah' ia-itu sunat yang sangat2 dituntut kita mengerjakannya. Bahkan di-dalam mazhab Hanafi berkorban itu hukum-nya wajib bagi orang yang chukop sharat2-nya.

### BANYAKAN ZIKIR

Di-samping kita menunaikan tuntutan2 ugama kita di-hari raya haji dan di-hari tashrik ini dengan membanyakkan zikir kapada Allah, membanyakkan bachaan Allahu Akbar, Lailahaillallah . . . dan Al-Hamdulillah serta berkorban jika berkemampuan, mari-lah kita ikuti pengajaran sa-buah hadith riwayat Al-Bukhari dan Muslim, sabda Rasulullah s.a.w. kira2 bermaksud:—

*"Barang siapa yang ingin supaya di-panjangkan umor-nya dan di-murahkan rezeki-nya, hendak-lah dia menghubongan silatur-rahim."*

Daripada hadith tersebut dapat-lah kita mengetahui bahawa rahsia supaya kita di-panjangkan umor dan di-murahkan rezeki itu terletak kapada usaha kita meningkatkan hubongan silatur-rahim. Maksud perkataan silatur-rahim itu ia-lah kaseh sayang, atau dengan lain2 perkataan erti dan maksud silatur-rahim itu itu ia-lah mengadakan hubongan baik atau kaseh sayang antara sa-sama manusia.

Silatur-rahim ada tiga macham darjat-nya: Pertama silatur-rahim dengan keluarga yang dekat, kedua: Silatur-rahim dengan jiran, ketiga: Silatur-rahim dengan sa-sama manusia.

### SILATUR-RAHIM

Silatur-rahim itu dapat di-perkuatkan dengan bermacham2 chara. Di-antara-nya termasok-lah dengan mengadakan kunjongan muhibbah, hormat-menghormati, beri-memberi, bertukar2 fikiran dan sa-bagai-nya sa-hingga dengan demikian akan terjalin-lah hubongan yang sa-makin rapat dan mesra. Akhir-nya meningkatkan kapada rasa kaseh dan sayang dan rasa tolong menolong di-antara satu dengan lain.

Sumber rezeki sa-seorang banyak di-tentukan oleh hubongan2 yang di-lakukan-nya. Sa-seorang yang melakukan silatur-rahim dengan sendiri-nya luas pergaulan-nya dan ramai pula rakan2 dan sahabat handai-nya. Dengan demikian banyak pula-lah yang di-lihat, di-dengar dan di-perhatikan dan lain2 sa-bagai-nya. Dengan demikian banyak munafaat yang boleh membukakan fikiran-nya, terutama mengenai sumber2 rezeki dan kehidupan. Sa-makin banyak hubongan dan sa-makin luas pergaulan, sa-makin banyak kelihatan pintu2 rezeki. Dan sekurang2-nya dengan silatur-rahim itu suasana kaseh sayang sa-hingga terbentang suatu ikatan untok saling bantu membantu dan tolong menolong. Dengan demikian hati sa-makin gembira, kegiatan2 ekonomi sa-makin meningkat yang tentu-nya akan menambahkan kemeriahan hidup dan keluasan rezeki. Ini-lah rahsia-nya Rasulullah s.a.w. menyeru kita memperluas hubongan dan mengingatkan silatur-rahim kapada sa-sama manusia baik yang ada hubongan kerabat dengan kita atau pun sa-balek-nya.

Kerana itu wahai kaum Muslimin, bersempena hari raya yang mulia ini mari-lah kita memperbaiki hubongan kita dengan kaum keluarga, jiran tetangga dan sa-sama manusia supaya hidup kita di-dunia ini sentiasa meriah, gembira dan bahagia. Di-samping itu akan panjang-lah umor dan murah pula-lah rezeki kita.

# Khutbah Hari Raya Aidil Adha tahun Hijrah 1401

## Gunakan umor dengan mengerjakan surohan Allah dan kewajipan terhadap manusia

MARI-LAH terus menerus kita suborkan rasa takwa kapada Allah itu pada diri kita bagi mempastikan kejayaan kita hidup di-dunia dan di-akhirat.

Kita sa-bagai mahklok bernama manusia ini selalu benar lalai atau lupa atau ingkar akan surohan2 dan larangan2 Allah s.w.t. Dalam lempahan berbagai-bagai nekmat dan rahmat Allah yang tiada terhitong banyak-nya itu maseh ada di-antara manusia yang tiada tahu bershukor dan berterima kaseh kapada Tuhan yang maha pemurah dan maha pengasehani. Sa-tengah2-nya maseh ada orang Islam yang melalai2kan atau enggan untok bersembahyang. Maseh ada orang Islam yang enggan berpuasa. Maseh ada orang Islam yang berakhlak jahat melakukan churi, rogol, tipu dan sa-bagai-nya. Dan mungkin pula ada orang Islam yang chuba menchari kemewahan dengan chara yang tiada di-benarkan oleh Ugama dan undang2 negeri. Dan banyak lagi perbuatan2 yang menggambarkan kedurhakaan2 manusia kapada Allah.

### SIKAP MANUSIA

Sikap manusia yang sa-demikian itu ada di-gambarkan oleh Allah dalam Al-Kor'an sa-bagaimana firman-Nya di-dalam surah Abbas ayat 17 yang kira2 maksud-nya :

*"Chelaka-lah manusia! Alangkah besar kekufuran-nya (akan nekmat2 dan pemberian2 Allah). Dari apa-kah ia di-jadikan? (dia di-jadikan) dari sa-titek mani lalu Tuhan tentukan sifat2-nya. Kemudian ia mudahkan jalan-nya (dengan mengorniakan akal fikiran) kemudian ia mematikan-nya terkubor. Kemudian apabila di-kehendaki dia di-bangkitkan. Tidak! manusia belum memperbuat apa yang Allah perentahkan."*

### KELEMAHAN

Memang patut dan mustahak manusia memerhati dan merenong akan kejadian diri-nya sendiri bermula dari sa-titek ayer mani kapada sa-gumpal darah kapada sa-ketol daging kapada tulang2 yang di-saluti dengan daging kemudian kapada suatu mahklok yang lengkap sifat2-nya tanpa champor tangan dari luar dan si-ibu itu sendiri. Kemudian kemudahan melunchurkan keluar dari rahim ibu dan sa-terus-nya mengharungi ber-berbagai2 pancharoba hidup hingga dapat mengatasi melalui kebijaksanaan dan akal fikiran yang di-korniakan oleh Allah. Semua-nya ini patut-lah di-perkenang dan di-peringat.

Kelemahan manusia sa-makin jelas terbokti apabila ia sendiri tidak dapat menentukan di-mana ia akan mati dan di-mana letak-nya kubor-nya. Oleh itu manusia ada-lah di-minta supaya mengambil kesempatan dari umor-nya yang tiada di-ketahui panjang pendek-nya itu untok melaksanakan tugas2 kemanusiaan dan tuntutan2 ugama yang membawa kearah kesejahteraan dan keselamatan hidup di-dunia dan di-akhirat.

Manusia bukan sa-takat hidup kemudian mati sahaja, bahkan akan hidup sa-mula lagi sa-sudah mati-nya itu di-suatu masa yang di-luar pengetahuan-nya. Perkara ini sa-patut-nya sentiasa ada dalam ingatan manusia agar ia tiada lagi pada mengerjakan surohan2 Allah dan segala tugas dan kewajipan yang terpikul di-atas bahu-nya sa-waktu hidup di-dunia, dan pelaksanaan tugas2 dan kewajipan itu dengan ikhlas dan sempurna akan memudahkan kelak penchapaian kenekmatan hidup di-alam akhirat.

### KEANGKOHAN

Malang-nya di-sebalek bokti kelemahan-nya, ramai di-antara manusia maseh tetap dengan keangkohan dan keingkaran yang menyebabkan sa-makin lupa tentang asal usul kejadian dan keadaan diri-nya di-tengah2 alam yang luas ini. Lupa-lah ia akan tanggong-jawab-nya sa-bagai mahklok yang wajib bershukor terhadap limpah nekmat yang di-korniakan kapada-nya. Lupa-lah ia menjalankan segala perentah dan larangan Tuhan yang menjadikan-nya. Kerana ini ia menjadi manusia yang kufur nekmat.

Oleh yang demikian wahai kaum muslimin, sikap kufur nekmat ini perlu-lah di-ganti dengan sikap shukor nekmat, suatu sikap yang menjadikan kita tahu berterima kaseh dan bershukor kapada Allah, bukan hanya dengan kata2 dan uchapan2 lidah, malahan dengan penghayatan ajaran2 Islam dengan penoh kesedaran dan tanggong-jawab. Kita yakin dengan ada-nya sikap bershukor kapada nekmat2 Ilahi ini, pasti-lah kita mengurangkan kalau pun tidak menghapuskan sama sekali sifat2 tamak, menyalah-gunakan kuasa, sifat2 yang tiada jujor terhadap tugas dan amanah, sifat2 lalai, ingkar akan perentah2 Allah dan sa-bagai-nya. Mari-lah kita insafi diri kita masing2 jangan sampai terjumlah dari orang2 yang kufur nekmat dan lalai pada mengerjakan surohan2 Allah.

# DASAR PELAJARAN UGAMA DI-NEGERI ISLAM — SUATU PANDANGAN

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

**PADA memberi pelajaran dan pengetahuan Islam kapada kanak-kanak dan belia-belia Islam hendak-lah di-perhatikan kehendak dan tujuan Islam pada meletakkan tanggong-jawab ka-atas sa-seorang mukallaf itu terhadap hukum2 Islam yang mesti di-pikul-nya dan mesti di-hadapi-nya bagi sa-panjang hayat-nya.**

## BAHAGIAN III

### Tidak dapat menyesuaikan diri dengan chara hidup Islam

### Siri ke-100

SEBAB2 mengapa kanak2 dan belia Islam (yang belajar ugama di-sekolah2 di-negeri Islam — Penyunting) tidak dapat menyesuaikan diri dengan chara hidup Islam — berlainan dengan yang menyertai kumpolan2 dakwah —antara-nya boleh di-fikirkan : —

1) KUMPOLAN dakwah itu menekankan sa-suatu matalamat dakwah dengan bersemangat dan bersunggoh2, kemudian di-amalkan sa-suatu itu menurut pandangan Islam dan chara hidup Islam ia-itu mereka mengajar dan mendidek serta mengasoh dengan tujuan melaksanakan ajaran Islam kapada pengikut2-nya.

SEMENTARA di-sekolah pula, tiada ketara dan tiada jelas penekanan kapada tujuan2 mendidek dan mengasoh. Kewajipan di-sekolah2 di-jalankan mengikut yang rotin-nya dengan atoran2 serta arahan2 sa-hingga di-sekolah itu kanak2 chuma di-ajar ilmu dengan tidak bersemangat dan bersunggoh2 saperti yang sepatut-nya di-tekan dalam pendidekan Ugama. Keadaan itu tentu tidak dapat memberi sumbangan yang besar kapada membentok chara hidup kanak2 serta belia2 menurut Islam, sebalek-nya jika berterusan maka akan menjadikan mereka hidup di-dalam dunia yang berbagai2 ragam dan pesona tanpa panduan yang berkesan dari didekan Ugama.

#### PEMAHAMAN

2) PEMAHAMAN kapada erti fardhu 'ain hendak-lah jelas di-sertai dengan menchontohkan-nya ia-itu perkara2 ugama yang wajib dan mesti dan tidak dapat tidak di-pikul serta di-tanggong, di-kerja serta di-amalkan oleh tiap2 orang mukallaf; dan tidak boleh di-gantikan oleh orang lain bagi pehak diri orang mukallaf itu saperti sembahyang, puasa, haji, memakan dan meminum yang halal, mengeluarkan zakat, berperangai baik dan membuang perangai jahat, dan menuntut ilmu yang terhenti sah amal ibadat pada-nya dan lain2 lagi sa-umpama-nya semua-nya itu hendak-lah di-kerjakan sendiri oleh orang mukallaf itu.

BEGITU juga tentang erti fardhu kifayah hendak-lah jelas di-fahamkan beserta dengan menchontohkan-nya ia-itu perkara2 Ugama dan hukum Ugama yang wajib serta tidak dapat tidak di-pikul serta di-tanggong, di-kerja serta di-amalkan oleh **seluroh umat Islam.** Akan tetapi kerja2 fardhu kifayah itu apabila di-amal dan di-kerjakan oleh sa-tengah2 orang Islam daripada umat Islam maka gugor-lah tuntutan wajib itu daripada seluroh umat Islam saperti berjihat, menyuroh orang berbuat baik dan menegah orang daripada melakukan kejahatan dan dosa; berniaga; bertukang; membuat senjata2 bagi mempertahankan negara; menuntut ilmu yang lain dari ilmu fardhu 'ain; bertani dan berladang—supaya dengan semua itu terlaksana dan terpenoh hajat serta keperluan umat Islam.

#### TIMPANG

SEGALA ilmu pengetahuan 'am di-ajarkan kapada kanak2 dan pemuda2 Islam jika tidak di-jelaskan di-dalam-nya perkara2 fardhu 'ain dan fardhu kifayah maka ia akan timpang dan menghasilkan sa-tengah bahagian orang Islam tahu ugama dan chenderong kapada Ugama sementara yang sa-tengah yang lain lalaikan ugama dan tidak tahu menahu akan ugama dalam kehidupan mereka sa-hari2 ia-itu sa-bagaimana berlaku kapada kanak2 dan belia2 serta juga orang2 dewasa Islam pada zaman penjajah. Akibat dari itu timbul dalam kehidupan umat Islam berbagai2 ragam, berbagai2 isu serta angkara dan berbagai2 jenayah.

HAL ini wajib di-perhati dan di-fikirkan oleh pembuat dasar pelajaran ugama Islam bukan saja di-sekolah2, di-maktab2 dan di-universiti2 tetapi juga dasar pelajaran ugama yang akan di-berikan kapada umat Islam seluroh-nya. Wajib di-fikirkan perkara2 yang timbul dari pelajaran dan dakwah yang timpang tiada menurut dasar dan kehendak serta sistem Islam pada memikulkan tanggong-jawab ka-atas orang mukallaf.

#### MUKALLAF

ADA pun orang mukallaf itu ia-lah orang yang sudah chukop umor (baligh) berakal, selamat panchaindera dan sampai seruan ugama Islam kapada-nya. Maka kanak2 yang telah chukop umor dengan hitongan tahun atau dengan sebab mimpi atau dengan sebab haidh ada-lah dia itu mukallaf. Orang yang selamat anggota-nya saperti mendengar atau melihat ada-lah dia itu mukallaf. Ada pun yang di-jadikan dengan buta serta pekak sekali pun dia boleh bertutor makan bukan-lah dia itu mukallaf. Begitu juga hal-nya orang yang tidak sampai seruan ugama Islam kapada-nya saperti orang2 yang tinggal di-atas kemunchak gunong ada-lah bukan mukallaf. Tetapi manusia pada masa sekarang hampir semua-nya telah mendengar akan hal ehwal Ugama Islam dengan sebab ada radio dan talivishen, kenderaan saperti helikopter dan kapalterbang.

*WALLAHU A'ALAM.*

— BERSAMBONG.

**MINGGU DEPAN : PERKARA YANG PATUT DI-BAHATHKAN**





**UPACHARA penyembelehan korban telah di-adakan di-beberapa tempat di-seluroh negeri bersempena dengan Hari Raya Haji tahun ini.**

Penyembelehan korban itu **di-adakan oleh orang perseorangan, keluarga dan berkumpolan.**

Gambar atas menunjokkan ketika pembahagian korban di-pekarangan Masjid Mohammed Bolkiah, Kampong Serusop. Sa-banyak lapan ekor lembu dan tiga ekor kambing telah di-korbankan di-upachara tersebut.

Gambar kiri pula menunjokkan upachara penyembelehan kerbau untok korban yang di-adakan di-Angkatan Laut Askar Melayu Diraja Brunei di-Muara bagi anggota pasokan tersebut.

# SHAITAN : MUSOH MANUSIA YANG PALING BIJAK

SHAITAN ada-lah sa-bangsa makhlok dari roh yang jahat yang sentiasa berusaha menyesatkan manusia dari petunjok Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam Al-Kor'an ada di-terangkan bahawa shaitan itu telah di-kutok dan di-murkai oleh Allah, sebab mereka membantah perentah Allah sejak dari zaman Nabi Allah Adam a.s. dan Hawa. Mereka di-jauhkan dari rahmat dan redha Allah, dan mereka akan di-tempatkan di-akhirat nanti dalam neraka jahanam, suatu tempat seksa yang terletak di-tingkat yang paling bawah sekali.

Shaitan itu sentiasa berazam untok menggoda dan mempengarohi manusia supaya melakukan perbuatan2 jahat dan merosakkan ia-itu dengan menggunakan berbagai2 tipu daya dan muslihat, dan dengan pujok rayu yang lunak. Usaha shaitan itu mendapat tempat yang subor di-dalam hati dan jiwa manusia, sebab pada diri manusia sendiri terdapat sifat2 kechenderongan kapada kejahatan2 di-samping sifat kechenderongan kapada kebaikan.

HAWA NAFSU

Saperti sama2 kita ketahui, bahawa manusia mempunyai keinginan2 atau hawa nafsu, tetapi di-samping itu manusia juga di-korniakan akal ia-itu sa-macham alat yang dapat mengendalikan hawa nafsu itu antara hawa nafsu dan akal itu-lah shaitan sentiasa memainkan peranan-nya, berusaha supaya akal manusia tundok di-bawah kehendak hawa nafsu.

Sebab itu-lah Allah s.w.t. telah mengingatkan manusia di-dalam Al-Kor'an supaya berjaga2 dan berwaspada terhadap shaitan dan hasutan2-nya, shaitan2 itu ada-lah musoh utama manusia, firman Allah dalam surah Fathir ayat: 6, yang bermaksud kira2:

*"Sa-sunggoh-nya shaitan itu musoh kamu. Sebab itu perlakukan-lah dia sa-bagai musoh. Dia hanya memanggil kawan saperti-nya supaya menjadi penghuni neraka yang bernyala2."*

Firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 118 hingga 119, yang kira2 maksud-nya: *"Dan jangan-lah kamu turuti langkah2 shaitan, sa-sunggoh-nya shaitan itu ada-lah musoh yang nyata bagi kamu. Shaitan itu sa-mata2 menyuroh berbuat kejahatan dan melakukan perbuatan yang keji, dan supaya kamu mengata2 terhadap Allah dengan apa2 yang tidak kamu ketahui."*

SHAITAN

Sa-orang ulama yang terkemuka bernama Abu




Al-Laithi telah membahagikan shaitan itu kapada dua macham:

PERTAMA: Shaitan Al-Jinni yakni shaitan makhlok jin yang tiada kelihatan atau jin shaitan.

KEDUA: Shaitan Al-Insi yakni shaitan yang berbentok manusia, atau manusia shaitan. Kata Abu Al-Laithi bahawa shaitan jenis yang kedua ia-itu manusia shaitan itu lebeh jahat dan lebeh merbahaya daripada jenis yang pertama ia-itu jin shaitan. Sebab shaitan jin yang berbentok halus itu hanya menggoda dan menanamkan perasaan was-was dan bimbang ka-dalam hati manusia, sedangkan manusia shaitan itu dapat melakukan tindakan2 langsong, saperti memberi rasuah, menekan sa-seorang, dan ada kala-nya hingga menggunakan kekuatan dan lain2 lagi.

Walau bagaimana pun, kedua2 jenis shaitan itu ada-lah merupakan musoh2 manusia, mereka ada-lah perosak dan penjahanam yang membawa manusia terjerumus ka-lembah hina dan sangsara baik di-dunia mau pun di-akhirat. Kerana itu mari-lah kita sentiasa berwaspada terhadap godaan2 dan pujokan2 shaitan, kuatkan-lah iman, dan kerjakan-lah perentah2 Allah dan jangan chuba melanggar larangan2-Nya.

## Memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang pemuda Iban Bilon anak Jabak, 19 tahun, berasal dari Kampong Amo, Temburong baru2 ini telah memelok ugama Islam di-satu majlis bertempat di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-sini.

Beliau kini di-kenali sa-bagai Awg. Mohd. Iswandi bin Abdullah. Ia melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Mat Serudin sa-orang pegawai di-jabatan tersebut.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 14hb Oktober, 1981 hingga ka-hari Selasa 20hb Oktober, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 14hb Okt | 12.13 | 3.30 | 6.12 | 7.28 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 15hb Okt | 12.13 | 3.30 | 6.12 | 7.28 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 16hb Okt | 12.12 | 3.30 | 6.11 | 7.26 | 4.35 | 4.48 | 6.06 |
| 17hb Okt | 12.12 | 3.30 | 6.11 | 7.26 | 4.35 | 4.48 | 6.06 |
| 18hb Okt | 12.12 | 3.30 | 6.11 | 7.26 | 4.35 | 4.48 | 6.06 |
| 19hb Okt | 12.12 | 3.30 | 6.11 | 7.26 | 4.35 | 4.48 | 6.06 |
| 20hb Okt | 12.12 | 3.30 | 6.11 | 7.26 | 4.35 | 4.48 | 6.06 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

## Sifat org Islam: Berani membenteras kejahatan

O Bingkisan minggu ini

DALAM peristewa Isra' dan Me'raj Junjongan Besar kita Nabi Muhammad s.a.w. banyak mengandongi pengajaran2 dan nasehat2 yang amat berguna untok memperbaiki rohani dan jasmani kita dan untok menjadi pedoman bagi kebaikan kehidupan kita di-dunia dan akhirat.

Tauladan2 untok kebaikan yang telah di-perlihatkan dalam peristewa Isra dan Meraj tersebut bukan hanya di-untokkan bagi satu2 gulongan sahaja, malah meliputi kaum2 hartawan, manusia yang berpangkat, yang berjawatan, kaum tani, ahli perniagaan dan pemimpin2, malah setiap golongan di-perlihatkan bahaya-nya dan kebaikan-nya. Dengan terjadi-nya peristewa ini, sa-tiap manusia khusus-nya umat Islam akan dapat membaiki lagi kehidupan mereka sa-harus-nya memperkuatkan lagi semangat-nya untok menghadapi kehidupan dunia dan akhirat.

MENGUBAH SIKAP

Para hartawan yang berada dapat mengubah sifat2 dari bakhil kapada pemurah, dari bongkak atau sombong kapada rendah hati dan peramah. Pemakan riba dapat menghapuskan perbuatan-nya. Orang2 yang bakhil akan menginsafi kesalahan diri-nya, yang malas menjadi rajin, orang yang suka mengata2 orang atau mengumpat dapat memberhentikan kata2-nya atau umpatan-nya yang tidak baik kapada yang baik, demi-kian juga ahli2 perniagaan dapat berhati2 dalam perniagaan-nya. Pendek kata, semua golongan dapat mengubah sikap masing2 yang jahat itu kapada yang baik dengan ada-nya pandangan serta pendengaran akan kisah2 atau peristewa Isra' dan Me'raj Nabi Muhammad s.a.w.

PERISTEWA ISRA'

Ini-lah intisari atau dasar peristewa Isra' dan Me'raj yang di-sambut perayaan-nya oleh umat Islam pada setiap tahun apakala sahaja menjelang 27 Rejab. Dalam hal ini ada yang mengatakan: Dalam peristewa Isra' dan Me'raj itu jangan di-champor-adokkan dengan pandangan yang lain, jika Isra' dan Me'raj binchang-kan-lah dan perkatakan-lah tentang Isra' atau Me'raj sahaja. Mereka yang berpendapat sa-demikian nyata-lah amat sempit fahaman-nya terhadap ugama Allah, malah ia tidak tahu menggunakan kesempatan untok mendakwahkan atau mempèr-kembangkan ajaran Islam itu.

Perlu-lah di-ingat bahawa pengajaran Ugama Allah ada-lah banyak, bukan terkandong dalam peristewa2 Isra' dan Me'raj sahaja, malah tak menjadi salah jika di-perluaskan atau di-berikan huraian yang luas dengan pandangan2 yang lain dalam satu2 perayaan menyambut peristewa tersebut, asalkan bertujuan untok kemajuan dan pembangunan umat Islam, kerana dalam perayaan yang begini-lah kita umat Islam perlu menyatakan perkara2 yang penting sama ada yang berkaitan dengan Isra' dan Me'raj atau yang lain, supaya umat Islam bangun dan mempunyai semangat yang berjiwa Islam yang sa-benar2-nya.

Dalam Al-Kor'an Allah s.w.t., telah menyatakan tentang kelebehan umat Islam dari umat2 yang lain, ia-itu dalam Surah Ali-Imran ayat 110, yang maksud-nya kira2: *"Kamu (umat Islam) ada-lah umat yang terbaik yang di-lahirkan untok manusia, dan beriman kapada yang ma'ruf dan menchegah dari yang mungkar, dan beriman kapada Allah."* Daripada maksud ayat tersebut dapat-lah kita faham bahawa Allah telah menunjokkan sa-suatu kemuliaan dan keistimewaan kapada umat Nabi Muhammad s.a.w. (Umat Islam) sa-lagi mereka tetap setia menjalankan tiga dasar Ugama Islam yang utama, ia-itu menyuroh berbuat kebaikkan dan melarang daripada kejahatan serta beriman kapada Allah dengan sa-benar2-nya.

MEMBENTERAS

Dengan ini sudah sa-wajar-nya-lah kita menyebarkan ugama Islam dengan sa-luas2-nya kapada umom bahawa Islam bukan ugama malas, bukan ugama ketinggalan zaman, bukan ugama yang membiarkan maksiat, tetapi Islam ada-lah ugama yang dapat menjadikan pemelok2-nya atau penganut2-nya atau pemimpin2-nya penoh dengan ilmu pengetahuan dunia dan akhirat dan peratoran2 yang tidak di-makan oleh arus kemodenan dunia.

Dalam hal ini sahaja sa-bagai umat Islam yang tegoh beriman kapada Allah. Maka perlu-lah kita memperhatikan sa-tiap ajaran Islam dan sa-balek-nya melenyapkan kejahatan dan kemaksiatan yang berlaku di-sa-keliling kita, kerana yang demikian ada-lah perentah Allah. Allah s.w.t., menyuroh kita berjuang membenteras kejahatan dan kemaksiatan, kerana kejahatan dan maksiat itu akan memusnahkan kehidupan sa-tiap orang baik di-dunia mahu pun di-akhirat.

Dalam perkara yang hak perlu-lah kita bersuara, tidak boleh di-sembunyikan jika terdapat saudara2 kita sesama Islam yang tersilap dan menyimpang dari landasan pengajaran Islam yang sa-benar. Kerana itu kita mesti menegor dan menasehati mereka, sesuai dengan ugama Islam itu sa-bagai ugama nasehat. Jika semua itu kita lakukan sa-mata2 kerana Allah, Insha Allah kita akan di-golongkan ka-dalam orang2 yang mendapat keberuntongan dan ber-oleh kemenangan di-dunia dan akhirat.



Allahyarham Awang Dahan — Allahyarham Awang Adol — Allahyarham Awang Abd Rahman

## Tiga orang lagi jemaah haji meninggal dunia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga orang lagi jemaah haji Brunei meninggal dunia di-tanah suchi Mekah. Mereka itu ia-lah Allahyarham Awang Dahan bin Palam, 77 tahun, beralamat No. 5A Jalan Mulaut, Brunei, meninggal dunia pada 4hb Oktober. Allahyarham Awang Adol bin Tahir, 81 tahun, beralamat di-No. 21, Kampong Putat, Brunei, beliau meninggal dunia pada 5hb Oktober dan Allahyarham Awang Abdul Rahman bin Ahmad, 86 tahun, beralamat No. 62, Batu 6¾ Kampong Lambak, Berakas, Brunei. Allahyarham itu meninggal dunia pada 3hb Oktober ini.

# KURSUS PENGURUSAN SHARIKAT K-SAMA

KAMPONG PANGKALAN BATU. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Yang Dipertuan telah berkenan mendatangkan dua orang pensharah dari Maktab Kerjasama Malaysia untok memberi kursus mengenai pengurusan sharikat kerjasama kapada ahli2 sharikat kerjasama di-negeri ini.

## BIDANG K-SAMA

Demikian di-umumkan oleh Pemangku Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama, Awang Mahmud Haji Bakyr minggu lalu sa-masa beruchap merasmikan kursus kerjasama Sharikat Kerjasama Mutika Jaya Kampong Pangkalan Batu.

Kursus tersebut akan di-adakan berperengkat-perengkat sa-lama empat minggu dan akan di-kendalikan oleh Jabatan Kemajuan Kerjasama, Brunei.

Menurut Pemangku Pesurohjaya bahawa kursus yang meliputi bidang ilmu kerjasama, pengurusan, undang-undang, simpan-kira dan pengoditan itu akan di-mulakan di-Daerah Temburong pada 16 hingga 20 Nobember, di-Daerah Belait pada 23 hingga 27 Nobember, di-Daerah Tutong pada 30 Nobember hingga 4 Disember, dan akhir-nya di-Daerah Brunei-Muara pada 7 hingga 11 Disember.

Peserta2 yang terdiri daripada ahli2 sharikat kerjasama ada-lah di-hadkan jumlah-nya bagi sa-tiap daerah ia-itu Daerah Temburong, Daerah Belait, dan Daerah Tutong masing-masing 40 orang, dan Daerah Brunei-Muara 60 orang.

## PENOH MASA

Kursus yang di-jangka akan di-rasmikan pembukaan-nya oleh sa-tiap Pegawai Daerah itu ada-lah kursus penoh-masa ia-itu pagi-petang dan makan tengahari akan di-sediakan.

Sa-tiap sharikat kerjasama di-negeri ini ada-lah dari sekarang di-minta menghubongi Bahagian Penyeliaan Daerah di-daerah masing-masing untok mendapatkan penerangan lanjut mengenai kursus tersebut.



PESERTA2 kursus bergambar ramai dengan Pegawai Daerah Belait dan pegawai2 penyelanggara kursus.

# IKUTI KURSUS DI-ENGLAND

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang pegawai kanan di-Jabatan Kemajuan Kerjasama telah berlepas ka-England minggu lalu untok mengikuti satu pengajian perengkat universiti.

Awang Harun bin Haji Ismail akan memasoki Universiti Aston, Birmingham untok mengikuti kursus Diploma/M.Sc. dalam Pengurusan Sektor Awam.

Kursus yang bermula 2hb Oktober itu akan berlangsong sa-lama satu tahun. Perbelanjaan pengajian Awang Harun ada-lah di-tanggong oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Yang Dipertuan di-bawah skim latehan-dalam-perkhidmatan (chuti belajar).

Awang Harun pernah menuntut di-Malaysia Barat dalam bidang pengajian perniagaan dan mengikuti kursus singkat di-England dalam bidang pengurusan kerjasama.

# Tiga Sharikat Kerjasama Daerah Temburong adakan mashuarat agong

PEKAN BANGAR. — Tiga buah sharikat kerjasama yang mengendalikan kedai ronchet di-Daerah Temburong telah mengadakan mashuarat Agong Tahunan masing2 pada minggu lalu. Ketiga-tiga Mashuarat Agong itu telah di-rasmikan serta di-hadhiri dari awal hingga akhir oleh Pemangku Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama, Awang Mahmud Haji Bakyr.

Sharikat Kerjasama Kampong Batang Tuau yang di-daftarkan pada 8hb. Mach, 1976 telah mengadakan Mashuarat Agong-nya pada hari Sabtu 19hb. September sa-belah malam bertempat di-rumah Setiausaha Sharikat ia-itu Awang Abd. Ghani bin Haji Metali.

Pada hari Jumaat 25hb. September dua buah lagi sharikat kerjasama di-daerah itu mengadakan majlis yang sama. Sharikat Kerjasama Kampong Salangan mengadakan-nya pada sa-belah pagi bertempat di-Masjid Kampong Salangan, sementara pada sa-belah petang-nya giliran Sharikat Kerjasama Kampong Bokok pula mengadakan-nya bertempat di-rumah Ketua Kampong ia-itu Awang Osman bin Nayan.

## MASHUARAT AGONG

Menurut Tambahan Peratoran sa-tiap sharikat kerjasama yang di-daftarkan di-negeri ini, Mashuarat Agong Tahunan hendak-lah di-adakan tidak lewat empat bulan sa-lepas berakhir tahun kewangan sharikat. Kuasa tertinggi dalam sa-tiap sharikat kerjasama ada-lah terletak pada Mashuarat Agong di-mana sa-tiap ahli berhak menghadhirinya dan mengundi dalam sebarang perkara.

## UNTONG BERSEH

Pada akhir tahun kewangan-nya, ketiga-tiga sharikat kerjasama itu telah menampakkan kemajuan dari sudut perniagaan dengan memperolehi lebeh pendapatan daripada perbelanjaan. Jumlah untong berseh yang di-perolehi oleh ketiga-tiga sharikat kerjasama itu ada-lah $14,281.36 ia-itu Sharikat Kerjasama Kampong Batang Tuau memperolehi $10,367.96, Sharikat Kerjasama Kampong Salangan memperolehi $2,816.72, sementara Sharikat Kerjasama Kampong Bokok memperolehi $1,096.68.

Untong berseh yang di-perolehi oleh ketiga-tiga sharikat kerjasama itu ada-lah meningkat dari tahun sa-belum-nya.

Pemangku Pesurohjaya melahirkan penghargaan kapada ahli2 asal sharikat yang hingga sekarang maseh tetap setia kapada matalamat2 penubohan sharikat walau pun terpaksa menghadapi berbagai-bagai halangan dan chabaran.

Keengganan anak2 kampong yang lebeh muda dan berpendidekan lebeh tinggi untok mencheborkan diri dalam sharikat kerjasama di-kampong mereka sendiri telah di-sifatkan oleh Pemangku Pesurohjaya sa-bagai satu perkara yang mengechewakan. Sa-tiap tahun jarang terdapat muka2 baru menjadi ahli dalam jawatankuasa sharikat.

Pemangku Pesurohjaya memohon jasa baik pemimpin2 sa-tempat, terutama-nya Ketua2 Kampong supaya dapat berkempen menggalakkan anak2 kampong mereka mencheborkan diri dalam kegiatan2 sharikat kerjasama yang penubohan-nya di-hasratkan untok meningkatkan lagi taraf ekonomi mereka di-samping mengeratkan perpaduan masharakat sa-tempat.

# *Kursus Pengenalan Kerani2 yang baru berkhidmat di-Daerah Belait*

KUALA BELAIT. — Sa-ramai 15 orang kerani yang baru berkhidmat dari lapan buah Jabatan Kerajaan di-Daerah Belait, pada hari Khamis lalu, 24hb September, telah menamatkan satu kursus pengenalan yang di-anjorkan oleh Yunit Latehan Jabatan Perjawatan.

Kursus sa-lama tiga hari itu telah bermula pada 22hb September lepas, bertempat di-Pejabat Daerah Belait.

Sa-panjang kursus, peserta2 telah mendengar cheramah mengenai shara2 perkhidmatan dan tanggong-jawab kerani sa-bagai kakitangan Kerajaan, penganalisaan tujuan asas kerani dan tatasusila pejabat, tujuan dalam pekerjaan, perhubongan, dan perchakapan melalui telefon dan menulis laporan. Cheramah2 telah di-sampaikan oleh tiga orang pegawai dari Yunit Latehan Jabatan Perjawatan.

Kursus tersebut telah berakhir dengan majlis penyampaian sijil, yang telah di-lakukan oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Idriss ibni Al-marhum Pg Temenggong Sahibul Bahar Pg Haji Mohamed.

# Dua Pegawai Pulis berkursus ka-UK.

BERAKAS. — Dua orang pegawai Kanan Pasokan Pulis Diraja Brunei telah berlepas ka-United Kingdom bagi mengikuti kursus pemerintah.

Pegawai2 tersebut ia-lah Penolong Penguasa Pulis, Awang Abu Bakar bin Dato Haji Sheikh Osman dan Penolong Penguasa Pulis, Awang Abd. Rahman bin Haji Johan.

Kedua2 pegawai itu akan mengikuti kursus berkenaan sa-lama kira2 10 minggu di-Bramshill yang telah bermula pada 5hb. Oktober lalu hingga 10hb. Disember depan.

# *Lawatan Kerjaya ka-Pasokan AMDB*

PERKHEMAHAN BOLKIAH. — Lawatan kerjaya penuntut2 ka-Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, di-teruskan lagi pada hari Selasa minggu lalu, dengan tinjauan oleh sa-ramai 34 orang penuntut Tingkatan Empat Sekolah Inggeris Perdana Wazir di-Kuala Belait.

Lawatan sa-belah pagi di-Pusat Latehan Perkhemahan Bolkiah itu, telah bermula dengan satu taklimat oleh pegawai dari Bahagian Pengambilan, Lt. Ya'akub bin Bolhassan, yang telah menerangkan mengenai perkembangan dan kegiatan2 di-beberapa chawangan pasokan.

Tinjauan yang lebeh lanjut di-lakukan ka-Muzium Pasokan, di-mana penuntut yang membuat kunjongan pada hari tersebut berpeluang pula mengetahui sejarah penubohan pasokan, melalui gambar2 yang di-pamerkan. Sa-lain dari itu, juga di-pamerkan ia-lah berjenis2 alat senjata, kegiatan2 Angkatan Laut, Chawangan Udara, dan lain2 bahagian pasokan itu.

## PELUANG KERJA

Di-samping itu, di-adakan juga pertunjokan statik, perhubongan melalui radio oleh anggota2 Kompeni RHQ. Tempat terakhir dalam lawatan sa-lama kira2 tiga jam di-perkhemahan ini ia-lah Komplek Bengkel Pasokan, di-mana terdapat-nya peluang2 pekerjaan bagi belia2 tempatan dalam kedua2 bahagian teknikal dan kejuruteraan.

Di-sebelah petang-nya, penuntut2 berserta guru pengawas-nya, Awang Osman bin Haji Abd. Rahman, telah berpeluang menaiki pesawat helikopter, dan di-bawa ka-Angkatan Laut di-Muara untok meneruskan lawatan.

Tinjauan penuntut2 ka-pusat2 yang tertentu dalam pasokan itu, ada-lah amat sesuai dengan matalamat lawatan penuntut2 yang kerap di-lakukan, yang mana ia-nya sa-bahagian besar bertujuan bagi memberikan gambaran kapada penuntut2 itu dalam memileh pekerjaan di-bidang ketenteraan.

Menuju ka-penghujong tahun ini, pasokan Askar Melayu Diraja Brunei di-jangka akan menerima beberapa kunjongan lagi dari penuntut2 Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah, Sekolah Inggeris Berakas, dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri di-Ibu Negeri.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 14HB. OKT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 NATURE OF THINGS: "Dreams"
5.30 GODZILLA: "Island of Doom"
Majlis "COBRA" mengancham bandaraya2 terbesar di-dunia, dengan ICBM melarikan Bangsa2 Bersatu dapat memenohi tuntutan2 wang tebusan. The Calico menemui tapak rahsia musoh dengan bantuan Godzilla.
6.00 BERITA AWAL
6.05 FALCOLM ISLAND — (siri baru)
6.12 AZAN MAGHRIB
6.16 FALCOLM ISLAND — sambongan
6.30 SAYANG ADEK KU SAYANG

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 LOBO: "What Are Girls Like You Doing In a Bank like this?"
7.28 AZAN ISHA
7.32 LOBO — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 GIVE US A CLUE
9.20 HAWAII FIVE O: "You Don't See Many Pirates these Days"
Aktor Itali Rossano Brazzi sa-bagai jutawan perkapalan mendapatkan pertolongan ketua Five O Steve McGarrett dan Pengawal pantai bila salah sa-buah kapal-nya di-rampas di-tengah2 laut.
10.05 TAYANGAN GAMBAR: "A Man could killed"
11.40 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 15HB. OKT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 DRAG PACK
6.12 AZAN MAGHRIB
6.16 DRAK PACK — sambongan
6.30 EVOLUTION (siri baru)

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BUCK ROGERS IN THE 25TH CENTURY: "Happy Birthday Buck"
Sa-orang pembunoh yang membalas dendam dapat mengubah orang2 menjadi batu marmar, menandakan Dr Huer sa-bagai sasaran-nya, sementara saintis yang tidak tahu menahu meranchang senyap2 bersama Wilma Deering majlis hari jadi yang ke-534 untok Buck Rogers.
7.28 AZAN ISHA
7.32 BUCH ROGERS IN THE 25TH CENTURY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 DUNIA MINGGU INI
9.30 THREE'S COMPANY
9.55 RIKER: "Crime School"
10.45 TRAPPER JOHN
11.30 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 16HB. OKT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
y.00 FOLLOW ME
5.15 CHILDREN'S SERIAL
5.30 THE LONE RANGER
8.15 WARTA BERITA
6.05 DR. WHO — "City of Death" bahagian 2
6.11 AZAN MAGHRIB
6.15 DR. WHO — sambongan
6.30 MAGIC PALACE

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 ALOHA PARADISE: "The Kid Who Would be a Daddy"
7.26 AZAN ISHA
7.32 ALOHA PARADISE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 AN EXCEPTIONAL CHILD (siri terakhir)
9.00 THE STOCKARD CHANNING SHOW
9.30 GUSTI
10.15 THE SWEENEY: "Down to you Brother"
11.10 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 17HB. OKT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA



TARZAN (Ron Eyl) dan monyet kesayangan-nya (CHEETAH) siri kegemaran kanak2 membawakan tajok cherita minggu ini "The Fanatics".



"ONLY WHEN I LAUGH" satu lagi siri baru yang berchorak komidi di-siarkan pada hari Ahad ini, kira2 jam 8.30 malam.

4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 NEW POPEYE SHOW
6.11 AZAN MAGHRIB
6.15 NEW POPEYE SHOW — sambongan
6.30 BEWITCHED: "First day at school"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 QUINCY: "The night killer"
7.26 AZAN ISHA
7.30 QUINCY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 MARI MEMASAK
9.20 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA
10.40 THE BIG VALLEY: "The Jonnah"
11.30 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 18HB. OKT.

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
2.14 SUSUNAN RANCHANGAN
2.17 IT'S NOW
3.05 SHANE
4.00 SUNSHINE: "Why Sam's Paid"
4.30 KAP KAP UDANG
4.50 BAGPUSS
5.05 SHAZAM
5.25 SCIENCE INTERNATIONAL
6.00 BERITA AWAL
6.05 FLASH GORDAN
6.11 AZAN MAGHRIB
6.15 FLASH GORDAN — sambongan
6.30 CHILDREN'S SHORT STORIES

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 ENOS: "Horse Cops"
7.26 AZAN ISHA
7.30 ENOS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HOW TO DRIVE
8.45 ONLY WHEN I LAUGH: (siri baru)
Siri komidi di-bintangi oleh Moira Lister, Richard Wilson, James Bolam, Peter Bowles, Christopher Strauli dan Derrick Branche.
9.15 KUIZ KESELAMATAN JALAN RAYA Bahagian 2
9.45 LOVE IN A COLD CLIMATE
10.40 ARMCHAIR THRILLER: "The Circe Complex" Bhg 2.
11.15 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 19HB. OKT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME — (ulangan)
5.15 NEW MIGHTY MOUSE
5.35 ANIMAL WORLD "Jungle Hunters"
6.00 BERITA AWAL
6.05 TARZAN: "The Fanatics"
Bintang undangan DIANA HYLAND beraksi selaku sa-orang juru gambar yang di-tugaskan di-sebuah kampong di-mana sa-orang ahli politik sedang berkempen untok menyatukan semua suku2 di-kawasan itu di-bawah pimpinan TARZAN. Jurugambar mendapati ada pertubohan ketat dan ranchangan untok menyerahkan pemerentahan kawasan ini kapada kuasa asing.
6.11 AZAN MAGHRIB
6.15 TARZAN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HART TO HART: "'Tis the Season To Be Murdered"
Ketika menjelang Krismas Hart suami, isteri menghadapi masaalah2 rompakan, rusohan dan pembunohan bila mereka membuat penyiasatan di-sharikat permainan kepunyaan mereka sendiri untok menghalang satu ranchangan rahsia di-atas pembunohan sa-orang pengintip yang di-lantek-nya dan dipercbayai dapat mengeluarkan dari perniagaan-nya itu.
7.26 AZAN ISHA
7.30 HART TO HART — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 SKAG
9.40 SURVIVAL (siri baru)
10.20 HILL ST. BLUES: "Rites of of Springs"
11.15 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 20HB. OKT.

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE MUNCH BUNCH: "A wallnut on the moon"
5.15 LITTLE BLUE
5.30 SCOOBY DOO AND SCRAPPY DOO
6.00 BERITA AWAL
6.05 FAMILY HOUR FESTIVAL (siri baru untok kanak2)
6.11 AZAN MAGHRIB
6.15 FAMILY HOUR FESTIVAL — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 NERO WOLFE: "Sweet Revenge"
7.26 AZAN ISHA
7.30 NERO WOLF — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.15 TAYANGAN GAMBAR: "The Birds"
11.00 BOGNOR: "Deadline" Bhg. 4
11.30 SIARAN TAMAT.

# SIARAN RADIO:

# DRAMA RADIO ADA-LAH RANCHANGAN TERTUA

JIKA anda sa-bentar tadi mendengar sa-orang anak muda memandu sa-buah Mercedez dan bichara-nya melibatkan perniagaan ribuan ringgit, konteks niaga-nya di-Tokyo, hubongan impot-ekspot-nya di-Hongkong, teman wanita-nya mungkin sa-orang 'air hostess' atau sa-orang model kalau pun tidak sa-orang bintang filem dan hobi-nya bermain golf. Tiba2 sa-jam kemudian anda temui anak muda itu memakai selipar Jepun sedang membeli asam kelumbi di-Tamu. Siapa-kah gerangan anak muda itu ?

Dia ia-lah salah sa-orang pelakun drama radio. Hidup-nya sa-bentar kaya sa-bentar miskin. Sa-bentar jadi tuan besar sa-bentar jadi kuli. Sa-bentar jadi ustaz sa-bentar lagi jadi penchuri. Dia hidup dalam dun'a fantasi dan realiti. Ini-lah tugas-nya untok memberikan sa-suatu yang berchorak hiboran kapada para pendengar dalam ranchangan ber-nama drama radio atau sandiwara radio.

Dan sekarang mari kita berbichara dengan dunia drama radio itu. Di-ibaratkan sa-orang manusia ranchangan drama radio hari ini sudah merupakan sa-orang belia remaja kira2 berusia 23 tahun. Biasa-nya sa-seorang belia dalam umor yang begitu remaja menjadi perhatian yang menarek. Dan ada-kah begitu hal-nya dengan ranchangan drama radio kita ? Sa-belum kita bertemu dengan satu jawapan yang meyakinkan chuba kita tinjau riwayat sa-buah ranchangan radio yang tertua tetapi maseh bernafas di-Radio Brunei ini. Drama radio pertama kali di-terbitkan di-radio pada awal tahun 1959 dan kemudian-nya di-jadualkan terbit tiap minggu.

Peminat2 drama radio, pengkeritik2 sejati dan pengkeritik2 dari 'men on the street' atau keritik2 kedai kopi masing2 memberikan pandangan menurut selera. Ada yang mengatakan sandiwara radio itu boleh tahan. Ada yang mengatakan sangal telinga mendengar-nya dan tidak kurang pula yang berpendapat nilai drama radio kita tidak jauh beza-nya dari 20 tahun dulu. Kita belum pernah menerima perkataan 'the best' paling baik chuma perkataan 'popular'. Chukop-lah rasa-nya sa-bagai hadiah penat lelah.

Pakar2 drama tempatan pernah memberikan pendapat tiga perkara penting yang menyangkut dalam kejayaan sa-sebuah drama itu telah tidak di-ambil pusing sa-lama ini, ia-itu: teknik lakunan, teknik penulisan skerip dan teknik penerbitan. Ketiga2 faktor yang menyangkut hidup mati-nya sa-sebuah drama itu telah di-biarkan menchari jalan2-nya sendiri saperti rumput-rampai yang menchari haluan masing2.

Sikap kita sa-lama ini selalu-nya mengakui yang benar walau pun ia pahit bagaikan akar ratnawali. Chuma siapa yang boleh dan berkebolehan menghulorkan tangan yang 'expert' untok mengangkat nilai drama radio kita ka-atas, satu kedudokan yang dapat kita banggakan bersama. Kebolehan dan kejayaan yang ada pada radio hari ini ia-lah ia berkebolehan menerbitkan sekurang2-nya dua belas buah drama dalam satu bulan.

## RAMPAISARI

RANCHANGAN ini telah masok ka-ranchangan ke-30, minggu ke-33. Tiap2 hari Sabtu jam 10.30 pagi membawa-lah ka-pukol 11.30 pagi, memang sesuai untok kaum ibu apatah lagi penyertaan dari peminat2-nya kian menggalakkan, di-mana berbagai masaalah bagi kaum wanita kita dalam menguruskan kerja2 rumah dan sa-bagai-nya, dapat kita ikuti, di-samping itu pula, ruangan ini sedaya upaya-nya pula, mengumpolkan seberapa banyak petikan2 bahan yang menarek untok di-jadikan panduan.

Di-samping itu juga kapada kaum ibu yang mempunyai masaalah2 kesihatan dan lain2, dan ingin menulis ka-ruangan ini, di-persilakan, dan insha Allah kami akan chuba membantu menjawap dan menyelesaikan masaalah puan itu dengan mengundang pakar2 kesihatan yang tertentu bagi menjawap soalan2 yang puan kemukakan.

Pendek-nya, RAMPAISARI akan sedia berkhidmat untok puan, memberikan pengetahuan dan panduan khas-nya pada ibu2 yang senantiasa berada di-rumah, baik di-bandar mau pun di-pendalaman atau di-mana saja.

Hantar-lah sa-tiap tulisan dayang2 kapada Penerbit Rampaisari, Radio Talivishen Brunei.

Kelihatan dalam gambar, kedua penyampai, Dk Rasinah Pg Haji Kahar dan Salmah Abdul Rahman, sa-masa me-ngendalikan ranchangan itu yang di-siarkan terus-menerus ka-udara, dari studio.





**MR. STEWART Wavell (as chairman), Mr. Graham Saunders, Dr. Joe Brophy and Mr. Dick Beales airing their views on the topic 'The Jungle has an evil Face' — the first in a series of 15 minute discussion programmes titled 'IDEAS AS THEY COME' produced by Asha Devaraj and to be broadcast on the English Service of RTB at 11.00 am this Sunday the 18th of October, 1981.**



## KAMPONG TERPUJI

MUNGKIN awda ingin mengetahui akan sejarah dan juga perkembangan Kampong Bokok dan juga yang menarek untok di-ketahui ia-lah tentang nama 'BOKOK'. Untok itu ikuti-lah ranchangan Kampong Terpuji yang mana ranchangan ini akan di-muatkan dengan penyertaan Kampong Bokok yang terletak di-Daerah Temburong. Siaran-nya pada hari Ahad 18hb Oktober jam 2.00 petang.

Kelihatan pendudok2 Kampong Selapon sedang mengusahakan tanaman padi di-mana Kampong Selapon telah pun ka-udara di-minggu yang lalu.

Manakala itu, beberapa orang pendudok Kampong Selapon memberikan penjelasan kapada Abdul Manap Adam mengenai dengan hasil mahsul tanaman lada sulah.






# KENDERAAN KERJA BAWAH LAUT

KENDERAAN kawal jauh untok kerja2 bawah laut saperti dalam gambar ini di-gelar "Scorpio." Ia-nya merupakan sa-buah kapal selam tanpa orang dan akan di-urus-kerjakan oleh Sub Sea Offshore Ltd (Chawangan Brunei) dari kapal kepunyaan Swire Pacific Offshore "Pacific Lance".

"Scorpio" yang di-majukan oleh Ametek Straza Division dari Amerika itu ada-lah untok menjalankan berbagai jenis kerja di-luarpantai, bekerja di-ayer sa-hingga sa-dalam 3,000 kaki. Sistem tersebut terdiri dari sa-buah van kawalan, sa-buah sistem pengendali dan kenderaan itu sendiri.

Gambar (kanan) menunjokkan 'Scorpio' sedang di-turunkan untok menjalankan kerja2 di-bawah laut.






GAMBAR atas menunjokkan tetamu Sharikat Minyak Shell Brunei, mengandongi sa-rombongan 15 orang ahli Lembaga Bandaran Daerah Belait, telah mengadakan lawatan ka-sharikat tersebut yang baru lalu. Rombongan itu di-ketuai oleh Pengerusi-nya, Pengiran Idriss ibni Almarhum Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Muhammad, Pegawai Daerah Belait (berdiri di-tengah2 nombor lapan dari kanan).

Sementara tetamu Sharikat Minyak Shell Brunei, gambar bawah ia-lah rombongan sa-ramai 18 orang terdiri dari ahli Persatuan Ilmu Alam Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Tetamu2 tersebut telah diberikan taklimat mengenai kegiatan2 dan sejarah latar-belakang Sharikat Minyak Shell Brunei, di-samping di-bawa melawat ka-AMDP-9 (bagi ahli Lembaga Bandaran Daerah Belait) dan ka-Kilang Penapis Minyak (bagi ahli2 Persatuan Ilmu Alam SOAS).



# Pekerja2 Shell di-galak gunakan talipinggang keledar

SERIA.—Penggunaan talipinggang keledar yang telah di-sediakan dalam semua kenderaan Sharikat Minyak Shell Brunei, hendak-lah di-pakai oleh pekerja2 sharikat tersebut yang telah menggunakan-nya.

Arahan penggunaan talipinggang keledar ini telah di-ambil oleh Jawatankuasa Keselamatan dan Alam Sekitar Pengurusan, dalam surat keliling-nya yang telah di-keluarkan untok semua kakitangan Sharikat Minyak Shell Brunei baru2 ini.

Menurut surat keliling itu antara lain menyatakan bahawa pehak pengurusan merasa bimbang mengenai bertambah-nya jumlah kemalangan yang melibatkan kenderaan sharikat, dan resiko yang samakin bertambah kapada kakitangan2 sharikat di-sebabkan juga bertambah-nya kemalangan2 yang membawa maut di-jalanraya di-negeri ini.

"Kegagalan untok menggunakan talipinggang keledar oleh kakitangan2 apabila memandu kenderaan sharikat, ada-lah melanggar peratoran2 keselamatan sharikat dan tindakan disiplin akan di-ambil terhadap mereka yang tidak mengambil endah akan peratoron ini," jelas kenyataan itu lagi.

# PERKAMPONGAN SASTERA 81

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angkatan Sasterawan dan Sasterawani — ASTERAWANI — akan menganjorkan Perkampongan Sastera 81 bermula pada 28hb Oktober hingga 1hb Nobember, 1981 berpusat di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka.

Perkampongan Sastera 81 ini berthemakan 'Drama dan Pendidekan' mengandongi tiga achara penting. Antara-nya termasok perbinchangan kertas kerja yang di-tulis oleh dua orang pensharah Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang, ia-itu Dr Mohammed Ghouse Nausuruddin dan Zainal Abdul Latif. Dua buah bengkel ia-itu Bengkel Seni Tari dan Seni Lakun juga akan di-adakan bagi membimbing pelakun2 dan penari2 di-negeri ini.

Satu perhimpunan seniman dengan berbagai achara hiboran dan kebudayaan akan di-adakan pada 1hb Nobember bermula jam 9.00 pagi bertempat di-kawasan Tasek Lama Bandar Seri Begawan. Orang ramai ada-lah di-alu2kan menyaksikan dengan bayaran $2.00 tiap2 sa-orang.

Sa-bagai kemunchak achara Perkampongan Sastera tahun ini, dua pertunjokan drama berjodol Afsan akan di-pentaskan di-Dewan Raya RTB dan Dewan Kemasharakatan Kuala Belait pada 31hb Oktober. Tiket2 akan di-jual kapada orang ramai sa-belum pertunjokan2 tersebut. Drama ini akan di-jayakan bersama oleh pelakun2 tempatan dan dari Universiti Sains penuntut2 kursus drama Pulau Pinang.

Pelakun2, penari2 dan penulis2 di-negeri ini ada-lah di-alu2kan menyertai Perkampongan Sastera 81 dan hendak-lah mengisi borang penyertaan yang boleh di-dapati dari bilek penyambut tetamu Dewan Bahasa dan Pustaka atau daripada Awg. Timbang bin Bakar, Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan. Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 20hb. Oktober 1981 kapada; Setia Usaha Perkampongan Sastera, Persatuan Asterawani, Peti Surat 434, Bandar Seri Begawan.

# 100 orang hadhiri kuliah Ugama

TUTONG. — Lebeh daripada 100 orang pendudok di-Kampong Sinaut dan sekitar-nya telah menghadhiri kuliah ugama anjoran Jabatan Hal Ehwal Ugama yang telah berlangsong di-Masjid Kampong Sinaut di-sini pada hari Jumaat 3hb. Oktober lepas.

Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, Pegawai Ugama Kanan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama telah memberikan cheramah tersebut.

Kuliah tersebut di-anjorkan ada-lah dengan kerjasama Persatuan Tunas Harapan Kampong Sinaut yang semata-mata bertujuan untok memberikan penerangan2 yang sabenar-nya mengenai dengan ugama Islam.

Hadhir sama di-majlis itu termasok-lah Awang Haji Bolhassan bin Haji Mohd Jair, Kadhi Daerah Tutong serta beberapa orang pegawai2 kanan dari Jabatan Hal Ehwal Ugama.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan be berapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sed erhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa barang2 yang berikut di-bawah ini bermula dari minggu 7hb Oktober, 1981.

**BANDAR SERI BEGAWAN :**

1. ASAM GELUGUR — $4.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Sharikat H. Abd. Rahman
   No. 94, Jalan Chevalier.
2. KULAT KERING BERTANGKAI — $2.40 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Soum Huat
   No. 28, Jalan Sultan.
3. BAWANG MERAH — $1.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Hong Guan Koon Kee, No. 10, Jalan McArthur.
   b) Chop Aik Thye, No. 25, Jalan Sultan.
   c) Sin Guan Lee, No. 74, Jalan Roberts.
   d) Leong Soon Huat, No. 1, Jalan McArthur.

**KUALA BELAIT :**

1. ASAM GELUGUR — $4.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Sharikat M. Haji, No. D2 Chinese Chamber of Commerce,
   b) Ng Ming Hong, No. E, Chinese Chamber of Commerce.
2. KULAT KERING BERTANGKAI — $2.70 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Yick Yuen
   No. 3, Jalan Pretty.
3. BAWANG MERAH — $1.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Ng Ming Hong, No. E, Chinese Chamber of Commerce.
   b) Teo Hiang Hng, No. 45, Jalan Pretty.
   c) Chop Yee Seng, No. 46, Jalan Pretty. No. 101, Jalan Mckerron.

**SERIA :**

1. ASAM GELUGUR — $4.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chin Siong Hin,
   No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
2. KULAT KERING BERTANGKAI — $2.30 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut : —
   a) Chop Yick Hoe, No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
3. BAWANG MERAH — $1.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Foo Hap Shing, No. 20, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Wong Wah Seng Trading, No. 73, Jalan Bunga Kenanga.
   c) Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning.
   d) Hudson Company, No. 9, Jalan Sultan Omar Ali.

## Bolasepak antara johan2 Jabatan2 Kerajaan:

# MEMBUKA PELUANG UNTOK PEMAIN2 MUDA



Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain.




Liputan: Jaafar Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN.— Kejohanan Bolasepak antara kerajaan johan jabatan2 kerajaan yang di-adakan pertama kali-nya akan dapat membukakan peluang kapada bakat2 muda kita dalam mempamerkan potensi serta skill yang sememang-nya mereka mileki.

Di-samping itu kejohanan tersebut juga akan memberi peluang kapada Persatuan Bolasepak Amator Negeri Brunei untok menilai dan mungkin dapat menchalonkan bakat2 muda untok di-serapkan dalam pasokan Kebangsaan Negeri Brunei.

### BAKAT2 BARU

Menegaskan demikian ketika beruchap merasmikan pembukaan kejohanan Bolasepak antara johan2 jabatan2 kerajaan yang telah di-adakan di-Padang Besar di-sini pada hari Selasa minggu lalu, Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain seterus-nya berkata bahawa kejohanan sa-umpama itu juga akan dapat meningkatkan lagi taraf dan performance pemain2 bakat muda di-perlawanan2 yang lebeh menchabar.

Yang Berhormat telah menchatetkan penghargaan kapada Badan Kebajikan dan Sokan Jabatan Kerja Raya yang telah mengambil inisiatif pada mengadakan kejohanan itu dengan bantuan dari empat buah jabatan2 kerajaan yang lain sa-bagai perintis jalan bagi kejohanan ini.

"Ada-lah menjadi harapan kita, semoga inisiatif Badan Kebajikan dan Sokan Jabatan Kerja Raya dalam mengungkayahkan kejohanan ini akan dapat menimbulkan minat semua pehak yang tertentu serta dapat memberikan kesedaran dalam sama2 memperkembangkan mutu bolasepak di-negeri ini ka-taraf yang lebeh membanggakan," ujar Yang Berhormat dengan penoh harapan.

Yang Berhormat itu telah melahirkan harapan agar kejohanan ini akan menjadi projek tahunan gabongan lima buah jabatan2 kerajaan berkenaan dan hendak-nya-lah ia akan di-kendalikan sa-chara bergilir2 sa-bagai satu latehan dan pengalaman kapada pegawai2 di-setiap jabatan berkenaan pada mengendalikan-nya.

Di-samping itu, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain juga mengharapkan semoga penyertaan kejohanan sa-umpama ini akan dapat di-perluaskan kapada jabatan2 kerajaan yang lain.

"Saya juga berharap semoga projek serupa ini akan mendapat perhatian, penghargaan dan penerimaan dari seluroh jabatan2 kerajaan khas-nya dan orang ramai am-nya semata-mata bagi kemajuan bolasepak di-negeri Brunei Darussalam ini," tegas Yang Berhormat.

### JALIN PERPADUAN

Menyentoh mengenai dengan permainan bolasepak, Yang Berhormat itu menjelaskan bahawa sokan tersebut dapat membentok peribadi saseorang, menjalin perpaduan, kerjasama antara satu sama lain, kawalan disiplin yang terpimpin, semangat kesokanan dalam pasokan dan sa-terus-nya menambahkan lagi chinta serta semangat tidak mahu kalah bagi pasokan yang di-wakili.

Semangat sa-umpama itu, menurut Yang Berhormat patut-lah di-pelihara dan di-kekalkan di-jiwa sanubari satiap pemain dan jangan hendak-nya ia di-salah tafsirkan oleh ahli2 sokan tanah ayer.

Kejohanan yang julong2 kali-nya di-adakan itu ada-lah bagi merebut "Piala Aziz", yang di-sumbangkan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

Dalam perlawanan pembukaan, Pasokan dari Jabatan Bandaran (Pegawai Luar Lembaga Bandaran) telah berjaya mengalahkan pasokan Peladang Muda 'A' dari Jabatan Pertanian dengan tiga gol tidak berbalas.





PASOKAN dari Jabatan Pertanian (atas) dan bawah pasokan Pemercksa Lapangan Terbang yang mewakili Jabatan Kastam.

## SOAS JUARA S-TAKRAW

GADONG. — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dari Daerah Brunei dan Muara telah munchol sa-bagai juara sepak takraw antara sekolah2 menengah dan maktab2 sa-Negeri Brunei yang telah berlangsong di-Dewan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah di-sini pada 30hb. September yang lalu.

Di-perlawanan tersebut Pasokan Maktab SOAS telah mengalahkan Pasokan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim dari Daerah Tutong dengan dua perlawanan tidak berbalas.

Sementara dalam perlawanan bagi sekolah2 menengah bawah pula, Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains juga dari Daerah Brunei dan Muara telah munchol sa-bagai juara dalam kedua2 bahagian ia-itu dalam bahagian 'A' dan 'B'.

Perlawanan tersebut di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Latehan Jasmani sa-bagai projek tahunan jabatan tersebut dalam meningkatkan lagi mutu permainan sepak takraw di-negeri ini.

Sa-banyak 15 buah pasokan yang mewakili sekolah2 menengah dan maktab2 serta menengah bawah telah menyertai perlawanan tersebut. Empat buah sekolah menyertai dalam peraduan bagi sekolah2 menengah atas dan 11 buah sekolah menyertai dalam bahagian menengah bawah.

Hadiah2 kapada pemenang di-akhir perlawanan telah di-sampaikan oleh Awang Umar bin Haji Ahai, Pengetua Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong.



PESERTA dari MMPSBS/Sekolah Sains menerima hadiah yang di-sampaikan oleh Pengetua MPSHB, Awang Umar bin Haji Ahai.

## Sarawak johan hoki tiga wilayah

SERIA. — Sarawak telah munchol sa-bagai juara piala Borneo dalam perlawanan hoki antara tiga wilayah — Brunei, Sabah dan Sarawak yang telah berlangsong sa-lama tiga hari berturut-turut dari 2hb. hingga 4hb. Oktober bertempat di-Padang Kelab Ria Seria di-sini pada minggu lalu.

Dengan kemenangan itu juga, Sarawak telah berjaya menggondol Piala Borneo yang telah di-sumbangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris bin Mohd. Salleh.

Pasokan Sarawak telah memungut empat mata ia-itu mengalahkan Sabah dengan empat gol berbalas satu dan Brunei tiga gol berbalas dua.

Sementara naib johan telah di-menangi oleh Sabah dengan memungut dua mata ia-itu mengalahkan Brunei dengan tiga gol tanpa balas manakala Pasokan kita Brunei mendapat tempat ketiga.

Ada-lah di-fahamkan bahawa kejohanan tahun depan akan di-adakan di-Kota Kinabalu, Sabah pada bulan Mei.

## Bolasepak tujoh sa-pasokan

JERUDONG. — Persatuan Bolasepak Kampong Jerudong di-Daerah Brunei dan Muara akan menganjorkan perlawanan bolasepak tujoh orang sa-pasokan dalam bulan Nobember depan.

Perlawanan tersebut di-adakan sempena dengan Hari Pelajar Sekolah Melayu Jerudong bagi tahun ini.

Sa-bagaimana yang di-fahamkan bahawa perlawanan tersebut di-adakan ada-lah khas untok pemain2 dari Kampong Jerudong sahaja bagi merebut piala yang di-sumbangkan oleh Ketua Kampong berkenaan, Awang Jeluddin bin Nayan.

Kapada mereka yang ingin memasoki perlawanan tersebut boleh-lah mendapatkan borang2 serta butir2 lanjut daripada setiausaha perlawanan Chegu Bangkol bin Haji Salat di-Sekolah Melayu Jerudong.

Dan borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-hantar kapada nama berkenaan tidak lewat dari Jumaat 31hb. Oktober 1981.



SAAT menchemaskan di-depan pintu gol Brunei di-kejohanan hoki tiga wilayah yang berkesudahan Sarawak menewaskan Brunei 3-2.

# JUMLAH BANCHI PENDUDOK KURANG DARI YANG DI-ANGGARKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Datin Hajjah Jusnani bte Haji Lawie, menegaskan bahawa perkiraan awal atas jumlah pendudok2 Brunei dalam banchi tahun ini ada-lah jauh berkurang dari yang di-anggarkan.

Kata-nya, kerja2 penelitian segala maklumat2 yang di-kumpolkan terpaksa di-semak, di-rumus, di-pereksa, dan di-teliti di-pusat banchi, yang mana kerja2 sa-umpama ini di-jangka akan memakan masa sekurang2-nya enam bulan untok di-siapkan.

Beruchap sa-jurus sabelum menyampaikan sijil-sijil penghargaan kapada penemu-duga2 banchi perumahan dan pendudok di-Dewan Bandaran disini pada hari Khamis lalu, Datin Hajjah Jusnani seterus-nya menegaskan: "Sebab mengapa jauh perbezaan-nya antara pendudok yang di-sediakan pada tiap2 tahun dengan banchi yang di-siapkan perlu di-teliti, kerana terdapat tiga kemungkinan."

### TIDAK LENGKAP

Kemungkinan2 tersebut, tambah Datin Hajjah Jusnani mungkin berpuncha daripada chara menganggarkan jumlah pendudok2 yang di-jalankan pada masa ini tidak berapa lengkap, kedua mungkin terdapat kesilapan yang mana pendudok yang patut di-chatet atau di-kira telah tertinggal dengan tidak senghaja, dalam masa menjalankan pengkajian.

Datin Hajjah Jusnani sa-terus-nya menjelaskan kemungkinan ketiga, di-mana terdapat pendudok2 yang senghaja tidak mahu di-kira dalam banchi, dan keluar negeri dalam masa tempoh banchi di-jalankan.

Beliau juga menyatakan rasa kesal-nya terhadap sikap2 pendudok2 yang senghaja meninggalkan negeri semasa pembanchian di-jalankan, kerana katanya, perkara ini dengan sendiri-nya mengujudkan satu kumpolan data yang tidak lengkap.

### KUMPUL MAKLUMAT

"Perkara ini sangat-lah di-kesalkan, kerana tujuan kita mengadakan banchi ia-lah untok mengumpolkan maklumat yang lengkap dan tanpa ada-nya maklumat2 itu, segala masaalah yang di-hadapi tidak akan dapat di-selesaikan dengan sempurna," jelas-nya.

Terdahulu dari itu, Datin Hajjah Jusnani menjelaskan bahawa sijil2 yang di-sampaikan pada hari itu ada-lah mungkin lebeh bermakna daripada sa-bagai tanda penyertaan penemu-duga2 kerana kata-nya, ia-nya ada-lah melambangkan pengabdian mereka kapada negara dalam projek Kerajaan yang sangat mustahak.

Yunit Peranchang Ekonomi, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, yang mengendalikan Banchi Pendudok dan Perumahan itu, telah menyediakan sa-ramai 620 orang penemu-duga2 bagi menjayakan projek banchi.

Majlis yang serupa juga telah di-adakan pada hari yang sama bertempat di-Pusat Belia di-sini, dan di-Dewan Kemasharakatan di-daerah Belait dan Tutong.



PEGAWAI Daerah Brunei-Muara, Dato Paduka Awang Haji Abdullah juga telah menyampaikan sijil kapada Penemu-duga2 Banchi Pendudok dan Perumahan, di-Dewan Bandaran Bandar Seri Begawan. Gambar atas kelihatan Pegawai Daerah itu ketika menyampaikan sijil kapada salah sa-orang penemu-duga itu.




Y.B. Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abd Rahman (kanan) ketika di-alu2kan oleh Pegawai Pentadbir Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, Awang Hazair bin Haji Abdullah.

# Pmk. S.U.K. pulang dari Australia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abd Rahman bin Dato Setia Haji Mohd. Taib dan Pengiran Anak Puteh ibni Seri Paduka Pengiran Pemancha Haji Mohd. Alam, Ketua Bahagian Protokol, Jabatan Perkhidmatan Diplomatik telah pulang pada hari Ahad sa-telah menghadhiri persidangan Ketua2 Negara Komonwel yang di-adakan di-Australia. Kedua2 orang pegawai itu menghadhiri persidangan tersebut ada-lah sa-bagai pemerhati.

Pemergian Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan dan Pengiran Anak Puteh itu ada-lah atas jemputan Kerajaan Malaysia dan mereka ikut bersama2 dengan rombongan perwakilan Malaysia sa-masa menghadhiri persidangan tersebut.

Persidangan sa-lama saminggu itu telah berakhir pada hari Rabu lalu dan telah di-hadhiri oleh ketua2 negara Komonwel.

## Fardhu haji melepas diri dari ikatan dunia

Dari muka 1

Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain yang telah di-siarkan oleh radio dan talivishen pada malam Hari Raya Haji lepas.

Menurut Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama itu, menunaikan fardhu haji sebenar-nya sa-olah2 melepaskan diri dari ikatan dunia dan kebendaan-nya. Ia saolah2 suatu pengasingan yang putus dari kebendaan dan dunia untok menunaikan ibadat dengan pengabdian diri kapada Allah sa-mata2, menuntokkan seluroh masa dan jiwa raga bagi menchapai keredhaan Allah.

Menurut Al-Imam Al-Ghazali kata Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja seterus-nya, tanda2 ibadat haji yang berhasil atau di-terima oleh Allah (mabrur) itu ia-lah: Sa-lepas sa-seorang itu menunaikan fardhu haji orang itu meninggalkan segala maksiat yang ada pada-nya, sa-lepas saseorang itu menunaikan fardhu haji ia meninggalkan teman2-nya yang berbuat perkara2 bakhil, dan menggantikan-nya dengan teman2 yang saleh; dan sasudah sa-seorang itu menunaikan fardhu haji orang itu menjauhkan dirinya dari tempat2 yang melalaikan dari mengingat Allah, dan seterus-nya ia mendekati tempat2 zikir dan kesedaran berugama.

Dalam mengakhiri perutusan-nya itu beliau mengajak kita sama2 bertanya kapada diri sendiri: Bilakah saya akan mengunjongi Baitullah, atau bilakah saya akan mengunjongi lagi Baitullah dalam ertikata menyahut seruan Allah?

## Dua orang wakili DBP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai dari Dewan Bahasa dan Pustaka telah di-perkenankan oleh kerajaan bagi mewakili negeri ini di-samping wakil2 dari ASTERAWANI ka-Pertemuan Sasterawan Nusantara III anjoran bersama Gapena dan DBP, Malaysia.

Pertemuan yang akan di-adakan pada 5hb. dan 6hb. Disember depan di-ibu kota Malaysia itu akan di-hadhiri oleh Pemangku Ketua Pengarang, Awang Haji Muslim bin Haji Burut dan Pegawai Bahasa Kanan, Dayang Fatimah binte Haji Mohd. Hussain.

Mereka di-jangka akan membentangkan satu kertas kerja yang berjodol "Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Dalam Perkembangan Bahasa dan Kesusteraan di-Brunei.

## Derma dari penuntut2 SOAS

BANDAR SERI BEGAWAN. —Guru2, penuntut2 dan kakitangan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah menyumbangkan derma sa-jumlah $2,500 kapada Tabong Orang2 Chachat di-negeri ini.

Sumbangan derma tersebut telah di-serahkan oleh Awang Rasani bin Hamid, Penolong Pengetua bahagian petang kapada Datin Hajjah Zaharah bte Haji Idris, Ketua Pegawai Kebajikan Masharakat selaku wakil pengerusi tabong berkenaan Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain.

Hadhir sama menyaksikan penyerahan derma tersebut ia-lah Awang Kamis bin Lamat, Pegawai Kebajikan dan Awang Leo Owen.

Majlis penyerahan derma itu telah di-langsongkan di-Pejabat Kebajikan Belia dan Sokan di-ibu negeri di-sini pada hari Khamis 1hb Oktober lepas.

## Keterangan2 di-rahsiakan

Dari muka 1

butir2 yang di-perolehi sa-masa menjalankan banchi tersebut.

"Keterangan2 dan data yang Awang2 perolehi tetap sifat-nya sa-bagai perkara sulit dan Awang2 hendak-lah menyimpannya sa-bagai perkara sulit dan rahsia dan tidak memaklomkan-nya kapada sa-siapa pun bila2 masa kechuali dengan kebenaran pegawai2 yang tertentu," sabda-nya lagi.

Terdahulu dalam sabdanya, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja telah menguchapkan tahniah kapada semua ahli2 jawatankuasa peranchangan dan penyelarasan, pegawai2 kerajaan di-jabatan berkenaan, penyelia2 banchi serta penemuduga2 kerana di-atas kejayaan menjalankan banchi tersebut tahun ini.

Turut memberikan uchapan di-majlis itu ia-lah Datin Hajjah Jusnani bte Haji Lawie, Pengarah Yunit Peranchang Ekonomi yang juga selaku Penguasa Banchi.

Hadhir sama termasoklah Pegawai Daerah Brunei dan Muara Dato Paduka Haji Abdullah bin Hj. Mohd. Jaafar, Pemangku Pegawai Daerah Tuton Awang Aziz bin Muhammad serta pegawai2 kanan kerajaan yang lain.

## Jualan buku di-atas kapal

MUARA. — Sa-buah kapal buku MV Logos telah tiba di-Pelabohan Muara kelmarin, 13hb Oktober dalam rangka lawatan-nya ka-negeri ini untok mempamerkan dan mengadakan berjenis-jenis jualan buku untok sa-lama satu minggu.

Kapal yang panjang-nya 269 kaki itu di-muatkan dengan kira2 250 tan buku dari 3,000 jenis buku dengan berbagai-bagai jenis jodol buku saperti Ilmu Sains, Sastera, Seni Lukis, masakan, Ilmu Kesihatan, bachaan untok kanak-kanak, novel dan sebagainya.

Ini ada-lah merupakan kali kedua kapal yang di-kendalikan oleh 140 orang anak kapal sukarelawan dari 23 buah negeri ini membuat lawatan ka-negeri ini. Lawatan-nya yang pertama ia-lah pada tahun 1975 dan mengadakan pameran terbuka di-kawasan Kastam Diraja dan telah mendapat sambutan yang menggalakan.

Kapal ini ada-lah terbuka untok kunjongan orang ramai sa-hingga 19hb. Oktober dari jam 10.00 pagi hingga 8.00 malam tiap2 hari kechuali pada hari Ahad ia-nya di-buka dari jam 3.00 petang hingga 8.00 malam.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.